

Hasrat PM kaji kadar dikenakan ke atas Singapura disokong

Tiada siapa jual air 3 sen!

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**
 pengarang@ufusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 14 OGOS**

ISU jual beli air antara Malaysia dan Singapura dibangkitkan kembali apabila Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyuarakan hasratnya untuk menaikkan harga air yang dijual kepada republik itu sebanyak 10 kali ganda daripada kadar semasa ketika ditemubual oleh agensi berita AP, semalam.

Hasrat sama pernah disuarakan Dr. Mahathir dan Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian pada awal Julai lalu, namun menerima reaksi negatif daripada Menteri Hal Ehwal Luar Singapura, Dr. Vivian Balakrishnan yang bertegas mahu Malaysia menghormati terma-terma yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Air Sungai Johor 1962.

Dalam perjanjian tersebut, Singapura mempunyai hak untuk mendapatkan 250 juta gelen air sehari dari Sungai Johor dengan bayaran 3 sen untuk setiap 1,000 gelen manakala Johor akan membeli air terawat dari Singapura pada kadar 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Lebih malang lagi, perjanjian tersebut turut memperuntukkan peluang untuk membuat semakan harga selepas 25 tahun, namun peluang itu dilepaskan kerajaan negeri Johor pada 1987.

Sehubungan itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Profesor Dr. Mohd. Ekhwan Toriman** berpendapat, terdapat asas pada permintaan Dr. Mahathir untuk menaikkan harga air kepada Singapura.



MOHD. EKHWAN TORIMAN



ZAID AHMAD



Adalah tidak adil bagi Malaysia yang sehingga kini merupakan jiran yang baik bagi Singapura untuk menanggung kerugian atas jual beli air yang berat sebelah apabila mengikut perkiraan 2001, Singapura mampu meraih keuntungan sehingga RM662.5 juta daripada air mentah Malaysia."

MOHD. EKHWAN TORIMAN
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi UKM

Hal demikian ini kerana, menurut beliau, walaupun terikat dengan perjanjian, tidak ada sesiapa di dunia ini yang merasakan wajar untuk menetapkan harga bagi 1,000 gelen air hanya pada kadar 3 sen.

Tambahan lagi, beliau berpendapat, adalah tidak adil bagi Malaysia yang sehingga kini meru-

pakan jiran yang baik bagi Singapura untuk menanggung kerugian atas jual beli air yang berat sebelah apabila mengikut perkiraan 2001, Singapura mampu meraih keuntungan sehingga RM662.5 juta daripada air mentah Malaysia.

Kata beliau, nilai keuntungan itu kini mungkin sudah meningkat kepada lima kali ganda.

"Selama ini pun Malaysia merupakan jiran yang baik dan tidak pernah menyekat bekalan air ke Singapura melalui dua loji bekalan air di Kota Tinggi dan Linggiu. Dengan ledakan pembangunan yang pesat di Johor, perlu diingatkan Johor juga bakal mengalami defisit bekalan air, namun kita tidak pernah mengabaikan tanggungjawab membekalkan air ke Singapura," katanya.

Sementara itu, profesor di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Dr. Zaid Ahmad** berkata, kerajaan perlu mengambil langkah perbincangan dan perundingan dua hala untuk memastikan keputusan terbaik berkenaan isu berkenaan dapat dicapai.

Menurut beliau, sebarang keputusan bersifat sehalu dalam isu itu hanya akan mengeruhkan hubungan dan mewujudkan keadaan tidak selesa antara kedua-dua buah negara.

"Hubungan antara Malaysia dengan Singapura ini tidak hanya melibatkan pembekalan air, banyak lagi faktor yang terlibat seperti keselamatan, ekonomi dan sebagainya, maka faktor-faktor ini juga perlu diambil kira dalam pembuatan keputusan berkenaan isu ini," katanya.



Perjanjian Hak Air 1927

- Ditandatangani pada 5 Disember 1927 oleh Pesuruhjaya Perbandaran Singapura dan Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar dari Johor
- Terbatalkan apabila Perjanjian Air Sungai Tebrau dan Skudai ditandatangani pada 1961

Perjanjian Air Sungai Tebrau dan Skudai 1961

- Ditandatangani pada 2 Oktober 1961 tetapi mula berkuat kuasa pada 1 September 1961
- Pembekalan 86 juta gelen air sehari
- Kadar 3 sen untuk setiap 1,000 gelen
- Melibatkan Sungai Tebrau, Sungai Skudai, Empangan Pontian dan Empangan Gunung Pulai
- Tamat pada 2011

Perjanjian Air Sungai Johor 1962

- Pembekalan 250 juta gelen air sehari
- Kadar 3 sen untuk setiap 1,000 gelen
- Melibatkan Sungai Johor
- Tamat pada 2061

Perjanjian Pemisahan 1965

- Perjanjian yang memisahkan Singapura dengan Malaysia
- Menjamin keabsahan Perjanjian Air Sungai Tebrau dan Skudai 1961 dan Perjanjian Air Sungai Johor 1962

Perjanjian 1990

- Perjanjian tambahan untuk Perjanjian Air Sungai Johor 1962
- Melalui perjanjian ini, Singapura dibenarkan membina empangan di sepanjang Sungai Linggiu untuk membantu pengeluaran air dari Sungai Johor